



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 5 TAHUN 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Akauntan Kementerian  
Semua Pengarah Negeri dan Cawangan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2016

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2016 oleh Kementerian/ Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2016.
- 1.2 **Tarikh akhir bayaran** bagi perbelanjaan tahun 2016 adalah pada **15 Disember 2016** dan **tiada tempoh Akaun Kena Bayar** selaras dengan surat Kementerian Kewangan rujukan KK/BPB/S(29.00)202/2-39 Jld.5(3) bertarikh 29 November 2016.

## **2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN**

Tarikh akhir penyerahan dokumen kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2016 telah ditetapkan seperti berikut:

BULAN	JENIS DOKUMEN KEWANGAN	TARIKH AKHIR
Disember 2016	Baucar Bayaran Manual	6 Disember 2016 (SELASA)
	Dokumen Kewangan eSPKB	8 Disember 2016 (KHAMIS)
	Baucar Bayaran (kuiri)	13 Disember 2016 (SELASA)
	Baucar Jurnal	15 Disember 2016 (KHAMIS)
	Waran Peruntukan Kecil	27 Disember 2016 (SELASA)
	Penyata Pemungut	29 Disember 2016 (KHAMIS)

## **3. PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN SELEPAS TARIKH YANG DITETAPKAN**

- 3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/ bekalan yang diterima dalam tahun 2016 tetapi tidak sempat dikemukakan bayarannya sebelum tarikh yang telah ditetapkan maka bayaran berkenaan perlu menggunakan peruntukan Vot tahun 2017 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas di bawah hendaklah diperoleh terlebih dahulu daripada Pejabat Perakaunan masing-masing.
- 3.2 Semua baucar bayaran yang diluluskan oleh Kementerian/ Jabatan tetapi ditolak/ dikuiri oleh Pejabat Perakaunan, hendaklah diproses semula dan diserahkan selewat-lewatnya pada 13 Disember 2016. Selepas tarikh berkenaan, baucar-baucar ini hendaklah dibayar dalam tahun kewangan 2017 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

#### **4. PENUTUP**

Semua Kementerian/ Jabatan diminta untuk merancang dengan teliti pengurusan kewangan bagi memastikan penyerahan dokumen kewangan dan semua urusan prosesan waran peruntukan, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2016 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



( DATO' HJ. CHE PEE BIN SAMSUDIN C.A.(M) )

Akauntan Negara Malaysia

30 November 2016

s.k:

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Ketua Setiusaha Perbendaharaan  
Ketua Audit Negara  
Semua Pegawai Kewangan Negeri  
Semua Akauntan/ Bendahari Negeri  
Semua Badan Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan